

## ***Untuk Siaran Segera***

### **KEJADIAN DINDING PARAPET JAMBATAN JATUH DI JALAN LINGKARAN TENGAH 2**

1. Kementerian Kerja Raya (KKR) memandang serius dan mengarahkan tindakan tegas diambil, susulan insiden parapet atau panel konkrit tembok sisi jambatan, terjatuh dari struktur binaan lebuh raya, projek pembinaan Lebuh raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE) sehingga menghempap sebuah kenderaan berhampiran Bandar Tasik Selatan di Jalan Lingkaran Tengah 2, pada jam 5.45 petang semalam.
2. Insiden berkenaan tidak seharusnya berlaku dan KKR tidak akan berkompromi dalam soal keselamatan dan nyawa orang ramai, dengan tindakan tegas akan diambil berdasarkan hasil siasatan yang dibuat. Pada masa sama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) juga telah diarah supaya melaksanakan audit menyeluruh pada kadar segera ke atas kerja-kerja melibatkan keselamatan awam.
3. Bagi KKR isu keselamatan ditempat kerja amat penting diambil perhatian dan dipatuhi oleh setiap pekerja yg terlibat dalam kerja-kerja pembinaan. Mereka bukan sekadar perlu tahu dan faham sahaja tetapi perlu mengimpikasi sepenuhnya sebelum, semasa dan selepas pembinaan.
4. Kejadian parapet yang jatuh menimpa kenderaan awam semalam dapat dielakkan jika semua pihak terlibat mematuhi sistem dan prosedur kerja yang betul mengikut garis panduan kerja yang diluluskan dan mematuhi spesifikasi dan kontrak.
5. Dalam kejadian semalam, mangsa seorang wanita yang memandu kereta Proton Saga mengalami kecederaan dan telah dibawa ke hospital oleh orang ramai. Berdasarkan maklumat terkini daripada keluarga mangsa keadaan mangsa adalah stabil dan kini menerima rawatan di hospital. Mangsa kejadian juga telah diberikan bantuan sepenuhnya untuk meringankan beban beliau.
6. Tindakan serta merta telah diambil dengan pihak pemaju utama MRCB Builders telah memberi Arahan Memberhenti Kerja (Stop Work Order) kepada subkontraktor (Makna Setia Sdn Bhd) dan menutup lokasi kejadian untuk tujuan siasatan. Pasukan Emergency Response Team (ERT) SUKE berada di tapak kejadian untuk mengawal trafik dan mengalihkan dinding parapet serta kereta yang terlibat. Pihak pemaju juga bertindak memeriksa semua tembok parapet untuk tujuan keselamatan,

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

selain menyemak semula dokumen Prosedur Kerja Selamat dan Kaedah Kerja Pemasangan Tembok Parapet.

7. Kerja-kerja penutupan jalan dilakukan pihak trafik MRCB bagi kerja-kerja pengukuhan tembok parapet sehingga selesai. Kerja-kerja pengukuhan tembok parapet bermula pada jam 9.00 malam tadi dan diatas arahan bersama pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), semua besi permulaan hendaklah dikimpal dengan besi parapet secepat mungkin. Kerja-kerja pengukuhan kedudukan tembok parapet berakhir pada jam 5.00 pagi tadi dan pemeriksaan bersama dijalankan bagi memeriksa kimpalan yang telah dibuat. Pihak JKKP juga sudah melawat lokasi kejadian semalam dan kita masih menunggu hasil hasil siasatan daripada JKKP.

8. Pihak LLM/KKR kini melaksanakan semakan keselamatan dan tindakan akan diambil untuk menyemak pelaksanaan tanggungjawab di semua peringkat sama ada di peringkat pemantauan, kualiti, rekabentuk dan metodologi kerja.

9. KKR memberi amaran bahawa semua pihak yang terlibat dalam kerja-kerja pembinaan perlu mematuhi semua proses, prosedur, spesifikasi dan kontrak kerja yang ditetapkan di tapak bina tanpa sebarang kompromi.

10. Arahan lain yang dikeluarkan susulan insiden semalam termasuklah ;

i) Pihak LLM dan Prolintas perlu meneliti kembali kaedah rekabentuk yang paling sesuai melibatkan struktur bagi meminimumkan risiko kepada orang awam dan pekerja dapat dikurangkan.

ii) Pemantauan dan kaedah kerja pihak perunding dan kontraktor perlu diteliti semula supaya keselarasan kaedah rekabentuk dan pemantauan di tapak dapat diseragamkan.

iii) Kajian menyeluruh perlu dibuat oleh pihak pakar yang berpengalaman bagi mencapai rekabentuk terbaik untuk meminimalkan risiko semasa pembinaan yang melibatkan laluan trafik di jalan sediaada.

iv) Pihak pemaju dan kontraktor diarahkan untuk mengambil tindakan bagi meringankan beban dan tekanan yang dihadapi oleh mangsa dan keluarganya akibat daripada kejadian ini.

v) Pihak LLM dan Prolintas diarahkan menyemak semula rekabentuk dan pembinaan yang melibatkan risiko kepada orang awam sebelum kerja-kerja disemua projek SUKE dan DASH dapat diteruskan semula.

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

vi) Pihak Kerajaan akan merujuk pihak perunding kepada pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) jika didapati terdapat unsur-unsur kecuaiian dari segi rekabentuk dan pemantauan tapak. Tindakan tegas akan diambil kepada individu yang didapati cuai semasa pelaksanaan pembinaan.

11. Segala kesulitan yang timbul dari insiden ini amat dikesali dan KKR mengulangi ketegasannya bahawa tiada kompromi dalam soal keselamatan awam dengan aspek keselamatan sentiasa diutamakan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Dato' Sri Fadillah Yusof  
Menteri Kanan Kerja Raya  
(20 September 2020)

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my